

TARIKH	05 10 5 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	57	RUANGAN	

18 kes baru MERS

Riyadh: Pihak berkuasa kesihatan Arab Saudi kelmarin melaporkan 18 kes baru jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS).

Selain itu, jumlah kematian akibat virus berkenaan setakat kelmarin meningkat kepada 111 kes berbanding 107 pada Jumaat.

La laporan terbaru yang disiarkan di laman web Kementerian itu.

Mereka hanya menyebut dua kematian baru yang membabitkan seorang wanita berusia 69 tahun yang menghidap batuk kering dan anemia di Makkah dan lelaki berusia 25 tahun di Jeddah yang dimasukkan ke hospital selepas dikesan dengan simptom pernafasan.

Jumlah 18 kes yang disahkan kelmarin adalah peningkatan terbesar dalam sehari dan meningkatkan jumlah kes yang dilaporkan di negara itu kepada 396 sejak kes itu mula dikesan pada September 2012.

Daripada jumlah kes terbaru itu, tujuh dilaporkan di Jeddah, lima di Riyadh, empat di Makkah dan dua di Madinah.

Menurut laporan itu, 13 daripadanya kini berada di hospital awam dan lima lagi dikuarantin di rumah.

"Kementerian Kesihatan



Kementerian Kesihatan kini menumpukan usaha mencegah dan merawat MERS serta menawarkan khidmat kesihatan terbaik kepada rakyat"

Adel Fakeih

menumpukan usaha mencegah dan merawat MERS serta menawarkan khidmat kesihatan terbaik kepada rakyat," kata Pemangku Menteri, Adel Fakeih.

Dia juga menggesa kald-tangan perubahan bekerja dalam satu pasukan.

Jumaat lalu, AS mengumumkan ia mengesan kes pertama MERS yang disahkan pada seorang lelaki yang baru-baru ini pulang dari Arab Saudi. - Agensi

Tiada visa umrah untuk warga emas

Makkah: Beberapa perubahan yang menguruskan jemaah haji dan umrah menghentikan permohonan visa umrah daripada jemaah berusia lebih 60 tahun dan kanak-kanak atas saranan Kementerian Kesihatan Arab Saudi.

La sebahagian daripada usaha mengawal merebaknya Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS).

"Kami tidak akan memberikan visa Haji kepada jemaah yang tidak mengam-bil suntikan vaksin," kata Presiden Jawatankuasa Umrah dan Haji Dewan Perdagangan dan Industri

Makkah, Saad Al-Quraishi.

Penularan MERS di Wilayah Barat terutama Makkah, Madinah dan Jeddah menyebabkan banyak badan pengurusan jemaah melarang warga emas untuk menunaikan haji tahun ini kerajaan belum mengeluarkan kenyataan rasmi.

Pemangku Menteri Kesihatan, Adel Fakeih minggu lalu menasihatkan kanak-kanak dan warga emas berusia 65 tahun ke atas yang mudah terdedah kepada jangkitan virus supaya menanggukhkan niat menunaikan haji atau umrah sehingga wabak dapat dikawal. - AFP